

# Kasino Genting: Orang Islam ditegah

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan Kerajaan akan mengkaji secara mendalam aspek-aspek berkaitan sebelum mengambil keputusan menutup kasino di Genting Highlands.

Bagaimanapun, beliau membayangkan kemungkinan langkah awal mengawal kegiatan itu dari berleluasa ialah dengan mengharamkan umat Islam dari mengunjungi pusat perjudian itu.

Menurut Datuk Seri

Dr. Mahathir, bukanlah senang hendak dibuat sesuatu keputusan kerana beberapa perkara lain juga mesti diambil berat, termasuklah masalah pekerja, pemegang saham dan sebagainya.

Perdana Menteri mengulas demikian ketika ditanya oleh pemberita usul Pergerakan Pemuda UMNO yang meminta Kerajaan mengharamkan semua bentuk perjudian di negara ini.

"Sebelum sebarang keputusan kita buat, Kerajaan mestilah memikirkan beberapa perkara yang tidak diinginkan, yang mungkin timbul. Umpamanya masalah 4,000 pekerja dan kakitangan di Genting Highland," ujarnya.

Usul pergerakan Pemuda yang diluluskan dalam perhimpunannya Khamis lalu juga mendesak Kerajaan mengharamkan perjudian yang mendapat bantuan kewangan Kerajaan seperti Loteri Kebajikan Masyarakat dan Sports Toto.

Menyentuh perkara ini, Perdana Menteri enggan mengulas lanjut sebaliknya berkata, "Ia sudah pasti menimbulkan kesan tidak baik, dan sama seperti perkara-perkara lain. Masalah ini ada hujah-hujah pro dan kontranya".

Mengenai dakwaan kononnya Kerajaan sudah membuat keputusan menutup pusat perjudian di Genting Highlands untuk dijadikan pusat rekreasi, Perdana Menteri berkata:

"Saya kesal dengan laporan seperti itu kerana ini menyebabkan pasaran saham jatuh."

Bagaimanapun, Perdana Menteri membayangkan sesuatu langkah akan diambil ke atas pusat perjudian itu kerana katanya, "Perkara ini biarlah diserahkan kepada Kerajaan menyelesaikannya, kerana jika diheboh-hebohkan kepada awam, ia menimbulkan emosi dan orang akan mengenakan desakan kepada Kerajaan."

No.  
No.